

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL**  
**KAWASAN : LIBARAN**  
**NO. SOALAN : 165**

**DATUK JUSLIE BIN AJIROL** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan setakat mana Kementerian yakin dengan kemasukan pelaburan asing (FDI) mampu memberi impak positif di sebalik kadar penurunan nilai mata wang ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat.

**Jawapan:**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tetap yakin kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara, walaupun nilai mata wang Ringgit turun berbanding dolar Amerika Syarikat.

Antara kesan positif FDI ke atas ekonomi Malaysia termasuk:

- menyumbang kepada transformasi sektor perkilangan kepada industri berteknologi tinggi dan bernilai ditambah tinggi;
- mewujudkan peluang pekerjaan daripada projek-projek pelaburan yang dilaksanakan serta meningkatkan kemahiran sumber manusia tempatan;
- pembangunan industri-industri sampingan serta sektor perkhidmatan, logistik dan insurans;
- meningkatkan produktiviti di peringkat nasional;
- pertumbuhan dan pembangunan kawasan-kawasan perbandaran yang baharu; dan
- kesan limpahan secara tidak langsung termasuk pemindahan teknologi dan meningkatkan pengetahuan syarikat tempatan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

Berdasarkan kepada analisis tren pelaburan asing di Malaysia, penurunan nilai mata wang Ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat tidak menjaskan kemasukan FDI ke dalam negara. Misalnya, bagi tahun 2013, Malaysia menarik sejumlah RM38.77 bilion pelaburan asing walaupun nilai purata pertukaran mata wang Ringgit adalah lebih rendah pada kadar USD1 bersamaan RM3.28 berbanding

jumlah FDI sebanyak RM31.12 bilion pada tahun 2012, di mana nilai Ringgit adalah lebih tinggi iaitu USD1 bersamaan RM3.06.

Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang bersesuaian untuk menarik FDI ke Malaysia bagi memastikan sasaran pelaburan tahunan yang ditetapkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dapat dicapai.

Faktor-faktor utama lain yang menyumbang kepada pertumbuhan positif pelaburan asing termasuk keadaan politik dan ekonomi yang stabil, dasar-dasar pelaburan Kerajaan yang liberal dan propertiagaan serta infrastruktur yang moden, dan bekalan modal insan yang berkemahiran.